



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

### KAJIAN KESAN COVID-19 KE ATAS KELUARGA CETUS JELAJAH PEDULI KELUARGA

**KOTA KINABALU, 22 Mac** – Kajian Kesejahteraan Diri Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Akibat Pandemik COVID-19 Di Kalangan Keluarga Komuniti oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) bersama Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Kajian Impak COVID-19 Ke Atas Keluarga Berpendapatan Rendah Di Bandar oleh UNICEF telah mencetuskan program intervensi kepedulian keluarga yang dinamakan sebagai Jelajah Peduli Keluarga.

Program turun padang ini bertujuan mendekati ahli keluarga daripada golongan rentan (*vulnerable*) bagi memberi khidmat sokongan dan membantu meningkatkan daya tahan keluarga khususnya daripada aspek psikososial dalam menghadapi cabaran semasa dan akan datang.

Berdasarkan kajian oleh LPPKN dan UPM, 43.9 peratus responden menyatakan mereka mengalami tekanan daripada sudut kewangan dan 32.2 peratus mengakui mereka berhadapan dengan konflik keluarga terutama bagi keluarga-keluarga yang berpendapatan rendah. Manakala kajian oleh UNICEF mendapati 30 peratus responden isi rumah menyatakan terdapat kesukaran bagi mendapatkan akses perkhidmatan kesihatan. Justeru, aksesibiliti kepada khidmat sokongan keluarga terhadap ahli masyarakat terutamanya kumpulan sasaran yang terjejas dipertingkatkan melalui pelaksanaan program sebegini.

Tujuan utama program Jelajah Peduli Keluarga ini adalah untuk menyokong dan melindungi kebajikan rakyat serta membantu ahli keluarga untuk terus kekal sejahtera semasa dan selepas PKP selain sebagai satu platform untuk pemimpin turun padang bagi menyantuni rakyat.

Pada majlis sama, Geran Khas Peruntukan Perbendaharaan KPWKM turut disampaikan kepada tiga buah Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) iaitu Kelab Belia Kampung Bariawa Laut Bersatu Jaya, Persatuan Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) Cawangan Sabah dan Persatuan Barisan Wanita Sabah bagi menjalankan program kekeluargaan kepada kumpulan sasar di negeri Sabah dengan peruntukan RM 43,262.00 bagi tahun 2021.

Program turun padang yang dilaksanakan ini akan membawa bersama perkhidmatan sokongan keluarga yang lain seperti perkhidmatan saringan kesihatan, perancangan keluarga, khidmat nasihat kaunseling keluarga bagi kesejahteraan mental dan program kesejahteraan remaja iaitu KafeTEEN serta perkhidmatan daripada rakan-rakan strategik daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan juga Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

Turut hadir dalam majlis ini adalah YBhg. Dr. Maziah binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWKM, Puan Mastura Binti Mohamad Darby, Timbalan Pengerusi LPPKN dan Encik Abdul Shukur Abdullah, Ketua Pengarah LPPKN.

####

Disediakan oleh:

Unit Penerangan dan Pendidikan

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)

Negeri Sabah

012-3185236 / 019-9628028 (Suszma Khairitszi Bin Mamat)